



Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 05 / 2024

Tajuk Tawaran:
Request For Quotation Supply And Delivery Of One (01) Unit Rider Lawnmower At Jabatan Daerah Belait

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
9 Julai 2024 (Selasa)

Syarat-Syarat Tawaran:

1. Tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong yang berdaftar dalam Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam yang mempunyai Sijil Pendaftaran yang sah dan Sijil Pendaftaran Perniagaan Section 16 dan 17.
2. Dokumen boleh diperolehi di Bahagian Kemajuan dan Pembangunan Daerah, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Daerah Belait, Jalan Mc Kerron, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.
3. Tawaran hendaklah dihantar ke alamat tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) yang bertulis tajuk, bilangan, dan tarikh tutup tawaran tanpa menunjukkan identiti syarikat kepada

Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Daerah Belait
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,
Jalan Mc Kerron, Ka1131
Negara Brunei Darussalam

Tidak lewat pada Selasa, 9 Julai 2024, jam 2.00 Petang.

4. Pemborong / Syarikat hendaklah terlebih dahulu untuk membaca, memahami dan meneliti kesemua kandungan skop kerja di dalam Borang Dokumen Tawaran dan Spesifikasi Tawaran serta mengisi ruang-ruang yang diperlukan dengan **lengkap** dan **teratur**. Sebarang kesilapan dan kerugian disebabkan salah tafsir harga tidak akan dilayan selepas tawaran telah dibuka.
5. Pemborong / Syarikat mestilah menyertakan Salinan Pendaftaran (*Registration*) yang menunjukkan bahawa pemborong adalah berdaftar di Kementerian Pembangunan, Salinan Sijil Akta Nama-Nama Perniagaan (*Business Name, Enactment Act Section 16 & 17*), Salinan Kad Pengenalan Pemilik (*Copy of Identification Card*), Latar Belakang Syarikat, Pengalaman syarikat dan lain-lain keterangan yang berkaitan (*Company's Profile & Background*).
6. Mengisi Borang Pengakuan Penender / Tenderer's Declaration dengan **lengkap**.
7. Dokumen-dokumen terperinci tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi setelah bayaran Yuran Tawaran (Document Fee) berjumlah BND5.00 (Ringgit: Lima Ringgit Brunei sahaja) (tidak dikembalikan / *non-refundable*) dibuat di Bahagian Kewangan Tingkat Bawah, Jabatan Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kuala Belait KA 1131, Brunei Darussalam pada setiap hari bekerja sahaja iaitu

Waktu Kaunter Pembayaran

Isnin - Khamis
8.15 Pagi – 11.30 Pagi
1.30 Petang - 3.00 Petang

Sabtu
8:15 Pagi - 10:00 Pagi

Jumaat, Ahad dan hari kelepasan Awam
Tutup

8. Tawaran mestilah dihantar dengan borang-borang tawaran yang disediakan.
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran sama ada yang terendah atau yang seumpamanya.
10. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan serta tidak mematuhi syarat seperti di atas tidak akan dilayan.